

Isnin, 1 Jun 2020 | 2:58pm

## Dua kementerian pantau bekalan, pengeluaran makanan

Oleh Suzalina Halid dan Ilah Hafiz Aziz  
bhnews@bh.com.my

**KUALA LUMPUR:** Pemantauan dan penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mendapati bekalan dan pengeluaran makanan mencukupi untuk keperluan masa hadapan di negara ini.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata kerajaan sudah melakukan pemantauan di pelbagai peringkat untuk melihat bekalan dan keperluan yang disediakan setakat ini.

"Rakyat tidak perlu bimbang sama ada bahan makanan pada musim perayaan termasuk sambutan Hari Gawai dan Pesta Keamatan cukup atau tidak.

"Ia mencukupi di semua peringkat termasuk di peringkat pengeluaran atau premis perniagaan," katanya pada sidang media Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) selepas mesyuarat khas menteri-menteri di Putrajaya dekat sini, hari ini.

Beliau berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan juga sentiasa melakukan pemantauan serta penguatkuasaan sepanjang masa.

"Penguatkuasaan dan pemantauan KPDNHEP mendapati secara keseluruhan bekalan makanan mencukupi dan mudah diperoleh untuk menampung keperluan negara.

"Semalam, mereka membuat pemantauan harian terhadap 25 jenis barang di 775 premis termasuk di 626 peruncit; pemborong (124) dan pengilang (25).

"Begini juga di peringkat pengeluaran makanan apabila Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mendapati situasi sama berlaku," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/695146/dua-kementerian-pantau-bekalan-pengeluaran-makanan>